

KOLEKSI KEMUSYKILAN BERHUBUNG ISU SAMBUTAN MAAL HIJRAH

Soalan 1 : Apakah pandangan Jabatan Mufti Negeri Perak berhubung sambutan Maal Hijrah yang dilaksanakan dengan bacaan doa akhir tahun dan disusuli selepas itu dengan doa awal tahun sepertimana yang diamalkan oleh kebanyakan umat Islam di Malaysia pada masa ini?

Jawapan: Jabatan Mufti Negeri Perak setelah meneliti pelbagai pendapat, maka berpandangan bahawa kendatipun amalan seumpama ini tidak diamalkan oleh Rasulullah SAW, para sahabat mahupun golongan Tabi'in, namun ia merupakan amalan yang mempunyai tujuan kebaikan serta mendatangkan masalah terhadap umat Islam.

Bagi menjelaskan pandangan ini, terdapat kaedah fiqh yang menyebutkan:

الترك لا ينتج حكما

Bermaksud: “*Al-Tark tidak menatijahkan hukum (sama ada makruh atau haram).*”

الترك لا يقتضي تحريمه

Bermaksud: “*Al-Tark tidak semestinya menunjukkan keharamannya.*”

Oleh itu, dapat difahami bahawa mana-mana amalan sama ada yang ditinggalkan oleh Rasulullah SAW atau yang tidak pernah diamalkan oleh Baginda SAW secara mutlak selama mana tiada *qarinah* pengharamannya, maka tidak diertikan sebagai perkara yang haram atau makruh serta termasuk dalam amalan bid'ah yang sesat. Sekiranya sesuatu amalan itu memberikan maksud kebaikan atau manfaat yang boleh diambil oleh umat Islam, maka ia termasuk dalam *nas* umum al-Quran yang menggalakkan berbuat kebaikan. Firman Allah SWT dalam surah al-Hajj ayat 77:

وَأَفْعَلُوا الْخَيْرَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٧٧﴾

Bermaksud: “*Serta kerjakanlah amal-amal kebajikan; supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).*”

Soalan 2: Apakah amalan-amalan tertentu seperti membaca *Surah Yasin* di akhir dan di awal bulan Muharram dianggap *bid'ah* serta dikategorikan sebagai haram?

Jawapan: Sesuatu amalan yang tidak dilakukan oleh Rasulullah SAW hanya dianggap haram sekiranya terdapat parameter seperti yang berikut:

1. Terdapat ancaman berupa seksaan jika melakukannya.
2. Amalan tersebut dikecam oleh Syarak.
3. Hukuman dikenakan jika amalan tersebut dilakukan.

4. Terdapat *lafaz* (nas) yang mengharamkan amalan tersebut.

Oleh yang demikian, tidak layak untuk mengkategorikan amalan-amalan yang memberikan maksud kebaikan atau manfaat yang boleh diambil oleh umat Islam sebagai amalan *bid'ah dhalalah* dan haram dilaksanakan melainkan mewajibkan amalan tersebut.

Soalan 3: Apakah pandangan Jabatan Mufti Negeri Perak berkenaan amalan tradisi yang diamalkan oleh umat Islam di Negeri Perak khususnya seperti doa awal dan akhir tahun?

Jawapan: Berkenaan amalan yang dilakukan oleh kebanyakan umat Islam di Malaysia apabila menyambut tahun baru Hijrah, maka terdapat doa-doa yang dibacakan oleh para imam menjelang masuknya waktu Maghrib iaitu doa akhir tahun dan disusuli dengan doa awal tahun selepas alunan azan. Menurut catatan daripada *Dar al-Ifta' al-Misriyyah* bahawa doa-doa ini sebenarnya telah pun diamalkan oleh segolongan ulama dari aliran *mazhab Hanbali* lebih kurang 1000 tahun yang lalu.¹

Malah, mereka turut mengajarkan doa-doa tersebut serta mewasiatkannya kepada para ulama yang sealiran dengan mereka yang antaranya termasuklah al-Syeikh al-Imam al-Waliyy al-Soleh Abu 'Umar al-Maqdisiyy Muhammad bin Ahmad bin Muhammad bin Qudamah al-Hanbaliyy yang juga merupakan saudara kandung kepada al-Imam al-'Allamah al-Muwaffiq bin Qudamah, pengarang kitab *al-Mughniyy* dalam mazhab Hanbali.

Manakala doa akhir dan awal tahun ini telah tercatat di dalam kitab *Mir'ah al-Zaman fi Tawarikh al-A'yan*, jilid 22 pada halaman 180 hingga 181:

اللهم ما عملتُ في هذه السنة مما نهيتني عنه، ولم تَرْضَه ولم تنسه، وحَلَمْتُ عني بعد
قُدْرَتِكَ على عقوبي، ودعوتني إلى التَّوْبَةِ من بعد جرأتي على معصيتك، فإني أَسْتَغْفِرُكَ
منه فاغفر لي، وما عملت فيها مما ترضاه ووعدتني عليه الثَّوَاب، فأسألك أن تتَقَبَّلَه مِنِّي،
ولا تقطع رجائي منك يا كريم
اللهم أنت الأبدى القديم، وهذه سَنَةٌ جديدة، أسألك فيها العصمة من الشيطان
وأوليائه، والعَوْن على هذه النَّفْس الأَمَّارة بالسُّوء، والاشتغال بما يقربني إليك يا
ذا الجلال والإكرام

¹ <https://www.dar-alifta.org/ar/ViewFatwa.aspx?ID=14644&LangID=1> Diakses pada 29 Julai 2021.

Soalan 4: Apakah pandangan Jabatan Mufti Negeri Perak berkenaan dengan sambutan Maal Hijrah yang dilakukan oleh Institusi Agama dengan mengaturnyakan program seperti bacaan Yasin, berdoa, ceramah dan sebagainya?

Jawapan: Amalan-amalan seperti bacaan Yasin, berdoa, ceramah dan sebagainya merupakan amalan yang mempunyai kelebihan-kelebihan yang tersendiri atau dikenali sebagai *fadha'il al-a'mal*. Adapun menghidupkan amalan tersebut menerusi program tertentu seperti sambutan Maal Hijrah adalah merupakan perkara *bid'ah* yang diharuskan. Dalam hal ini, al-Imam al-Syafie telah membahagikan *bid'ah* kepada dua kategori iaitu *bid'ah hasanah* dan *bid'ah dhalalah*. Di dalam kitab *Fath al-Bari*, jilid ke 13 pada muka surat 267 dinyatakan:

المحدثات من الأمور ضربان أحدهما ما أحدث يخالف كتابا أو سنة أو أثرا أو إجماعا

فهذه البدعة الضلالة، والثاني ما أحدث من الخير لا خلاف فيه لواحد من هذا، فهذه

محدثه غير مذمومة

Bermaksud: “Perkara-perkara baharu yang diada-adakan itu ada dua jenis: (Pertama), perkara baharu yang bercanggah dengan al-Quran, al-Sunnah, athar sahabat atau ijma’, maka inilah bid’ah dhalalah (sesat). (Kedua), perkara baharu yang diadakan dari segala kebaikan yang tidak bertentangan dengan mana-mana dari empat perkara di atas, maka ia adalah bid’ah yang bukan perkara yang dikeji.”

Oleh itu, anjuran mengadakan sambutan Maal Hijrah menerusi amalan-amalan berkenaan adalah termasuk dalam dalil umum sepertimana hadis yang berikut:

مَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً فَعَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ كُتِبَ لَهُ مِثْلُ أَجْرٍ مَنْ عَمِلَ بِهَا وَلَا

يَنْقُصُ مِنْ أَجْرِهِمْ شَيْءٌ، وَمَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً سَيِّئَةً فَعَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ كُتِبَ عَلَيْهِ

مِثْلُ وَزْرِ مَنْ عَمِلَ بِهَا وَلَا يَنْقُصُ مِنْ أُوزَارِهِمْ شَيْءٌ

Bermaksud: “Sesiapa yang mengadakah sunnah yang baik di dalam Islam lalu diamalkan orang sunnahnya itu, diberikan kepadanya pahala sebagaimana pahala bagi orang yang mengerjakannya dengan tidak dikurangkan sedikit pun daripada pahala orang yang mengerjakan itu, dan sesiapa yang mengadakan di dalam Islam sunnah yang tidak baik lalu sunnahnya itu diamalkan orang, diberikan kepadanya dosa sebagaimana dosa orang yang mengerjakannya dengan tidak dikurangkan sedikit pun daripada dosa orang yang mengerjakan itu.”

(Riwayat Muslim)

Seharusnya diingatkan bahawa sambutan yang berkait dengan peristiwa Islam seperti ini tidak sewajarnya dijadikan sebagai acara wajib kepada umat Islam. Malah, sebaiknya digalakkan untuk dilaksanakan di peringkat yang tertentu seperti menerusi saluran rasmi kerajaan sebagai menyampaikan maksud dan tujuan sesuatu acara itu diadakan di samping manfaat yang diperoleh kepada masyarakat khususnya umat Islam.

Manakala acara-acara rasmi seperti bacaan Yasin dan doa-doa awal tahun dan akhir tahun sempena awal dan akhir tahun hijrah juga termasuk di dalam adat kebiasaan setempat yang digabungkan dengan bentuk-bentuk ketaatan yang dianjurkan oleh Islam seperti bacaan al-Quran, doa dan majlis ilmu. Selama mana tiada dalil khusus yang mengharamkannya, maka kekal keharusannya untuk dilaksanakan.